

**SYARAT PENDAFTARAN SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN
KONTRAKTOR ASING (SPKKA)**

Syarat pendaftaran Sijil Perolehan Kerja Kerajaan Kontraktor Asing adalah seperti pada jadual di bawah:

<u>Syarat permohonan SPKKA</u>	
Bil	Perkara
1	Mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor Asing (PPKA) yang masih sah dan bebas daripada tindakan tatatertib yang masih berkuatkuasa.
2	Pemegang Saham tidak boleh memiliki ekuiti melebihi 5% dalam mana-mana syarikat lain yang telah mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)/SPKKA yang masih sah.
3	Pengarah/Pemilik tidak boleh wujud dalam mana-mana syarikat lain yang mempunyai SPKK/SPKKA yang masih sah.
4	Personel Teknikal/Orang Kompeten/Penama SPKKA tidak boleh wujud dalam mana-mana syarikat lain yang mempunyai SPKK/SPKKA yang masih sah.
5	Mempunyai sijil SCORE dengan penarafan 3 bintang yang masih sah.
6	Penama pada sijil SPKKA mestilah sekurang-kurangnya seorang warganegara Malaysia.
7	Mempunyai pensijilan Contractor's Quality Management System (CMQS) atau ISO 9001:2008/2015 yang masih sah.